

Sejarah USIM di Negeri Sembilan dibuku

» Naskhah kisah hubungan erat dengan keluarga diraja, kerajaan negeri



Dr Faizal Kasmani

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Hubungan erat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan keluarga diraja Negeri Sembilan serta kerajaan negeri sepanjang 15 tahun lalu, dikisahkan dalam buku *USIM di Negeri Sembilan*.

Buku setebal 200 muka surat terbitan USIM itu mengandungi empat bahagian utama, iaitu hubungan USIM dengan kerajaan negeri dan istana, USIM dengan komuniti, kelestarian pendidikan serta mar tabat seni, budaya dan sukan.

Pelancaran buku itu disempurnakan oleh Canselor USIM, Tun-

ku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, pada Majlis Santapan sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM di sebuah hotel di Putrajaya, Jumaat lalu.

Ketua Pengarang buku itu yang juga Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, Dr Faizal Kasmani, berkata idea menerbitkan buku berkenaan timbul kerana pihak universiti berasa bertuah setelah mendapat kerjasama erat pelbagai pihak terutama kerajaan negeri dan keluarga diraja sejak ditubuhkan pada tahun 2000.

Selain itu, katanya, pihaknya turut bekerjasama dengan Tourism Malaysia Negeri Sembilan dengan memuatkan maklumat mengenai



Tuanku Aishah Rohani mendengar penerangan Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad (kiri) mengenai buku *USIM di Negeri Sembilan* ketika majlis pelancaran di Putrajaya.

tempat pelancongan, makanan istimewa dan seni budaya di negeri ini dalam buku berkenaan, sekaligus mempromosi USIM dan Negeri Sembilan yang terkenal dengan Adat Perpatih.

So naskhah diedar

"Syukur kerana semua majlis dan program yang dijalankan oleh USIM dapat dihindarkan dalam buku ini. Sebagai permulaan, sebanyak 80 naskhah buku berkulit tebal diedarkan ke pejabat kerajaan dan sekolah terpilih di ne-

geri ini," katanya.

Sementara itu, majlis berkenaan turut meraikan lima graduan yang menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Canselor dan Pingat Emas Naib Canselor.

Dua penerima Anugerah Pelajaran Diraja adalah graduan Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Mohd Taqwudin Mohd Yazid dan graduan Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam, Amarul Arief Mohd Shuhaimi.

Dua penerima Anugerah Can-

selor adalah graduan Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Sa'adah Zainal serta graduan Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman, Mohammad M Mohd Alghlailat.

Penerima Pingat Emas Naib Canselor pula adalah graduan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian, Noor Faradzela Mohamad.

Pada majlis itu, USIM turut memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Cyber Security Malaysia (CSM) dan Al-Farabi Kazakh National University (KAZNU).